

02 FEB 1997

Syed Hamid-Bantah

MALAYSIA BANTAH LAYANAN BURUK ITALI

Oleh: Zainal Abidin Bujal

SPLIT (Croatia), 2 Feb (Bernama) -- Malaysia akan mengemukakan bantahan kepada kerajaan Itali ekoran peristiwa layanan buruk yang diberikan polisnya di Lapangan Terbang Pisa kepada rombongan pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ketika mendarat pada 31 Jan lepas.

"Kita akan meminta kerjasama Kementerian Luar mendesak kedutaan Itali di Kuala Lumpur bagi menyiasat dan mendapatkan penjelasan bagaimana kejadian itu boleh berlaku," kata Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar kepada wartawan Malaysia di Markas Bantuan Perkhidmatan Malcon 3 di Kastel Sucurac di sini hari ini.

Beliau tiba di sini malam tadi untuk menyampaikan bungkusan kuih Hari Raya di samping beramah mesra dengan 1,053 anggota tentera Malaysia di beberapa lokasi (Malcon 3) yang berkhidmat dengan SFOR (Pasukan Penstabil-Stabilisation Force) di Croatia dan Bosnia Herzegovina.

Syed Hamid juga menyampaikan salam Aidil Fitri dari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah kepada semua anggota dan pegawai Malcon 3.

Mngenai bentuk bantahan itu, beliau berkata ia bergantung kepada hasil siasatan yang akan dibuat oleh Kementerian Pertahanan dan pihak berkuasa Itali.

Dalam kejadian itu, anggota polis di Pisa tidak mengizinkan rombongan ATM diketuai Panglima 7 Briged berpangkalan di Kluang, Brig-Jen Mohamed Zamri Ismail dan disertai Pengarah Sumber Manusia Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Kapten Dahalan Karim, keluar dari ruang ketibaan lapangan terbang itu untuk menemui 115 pegawai dan anggota TLDM serta keluarga masing-masing bagi menyampaikan bungkusan kuih Hari Raya.

Anggota-anggota TLDM itu terlibat dengan projek kapal Corvette yang dibeli oleh kerajaan Malaysia dari Itali di limbungan kapal Fincantieri di Pisa, sejak tahun lepas.

Kedua-dua kapal perang Corvette itu dijadual dibawa pulang menjelang hujung tahun ini di bawah perintah Kapten Roslan Mahmud.

Pihak berkuasa polis Pisa enggan membenarkan rombongan ATM keluar dengan alasan kesemua delegasi Malaysia terdiri daripada 115 pegawai tentera dan 15 wartawan yang mendarat dengan pesawat Charlie 130 TUDM, memakai pakaian seragam tentera.

Syed Hamid berkata Kementerian Pertahanan akan membuat bantahan itu mengikut saluran tertentu kerana perkara itu ketibaan mereka telah dimaklumkan kepada pihak berkuasa Itali.

"Lagipun bukanlah sesuatu luar biasa bagi anggota tentera memakai uniform," katanya.

Turut mengiringi Syed Hamid ialah Panglima Tentera Darat, Jen Datuk Seri Che Mat Noor Mat Arshad dan Timbalan Ketua Setiausaha II Kementerian Pertahanan, Datuk Syed Jaafar Syed Aznan.

Pada satu upacara di NSE malam tadi, Syed Hamid menyampaikan 14 kotak kuih raya untuk anggota-anggota di pusat bantuan Malcon 3 itu kepada pegawai memerintahnya, Lt Kol Rodzi Ibrahim.

Pagi ini Syed Hamid melawat Kem Livnu, Markas Malcon 3 Bosnia Herzegovina, 180 km dari Split. Petang ini beliau terbang ke Sarajevo untuk mengunjungi pemimpin Islam Bosnia Herzegovina Dr Haris Silajdzic dan berbuka puasa bersama masyarakat Islam setempat di sana. -- BERNAMA

ZAB MAI